

## Teknologi penyelamat

Mohd Zaky Zainuddin  
zakry@oh.com.my



KONTRAKTOR binaan rumah, Aiza Amelia Yazid menggunakan kemudahan internet berkelajuan tinggi memasarkan perkhidmatan syarikatnya ke dalam laman sosial media di Pusat Internet Komuniti (PIK) Sri Tioman, Taman Melati.

Kuala Lumpur: Kesan teknologi yang lebih meluas mengelakkan ekonomi Malaysia terjejas lebih teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, meskipun perniagaan fizikal terhad ketika pelaksanaan PKP pada peringkat awal, teknologi dinamik membolehkan aktiviti perniagaan dalam talian diteruskan.

"Pendigitalan menjadi aspek kritikal mengukuhkan daya tahan ekonomi Malaysia.

"Masih banyak ruang pembangunan lebih pesat teknologi dalam aktiviti ekonomi," katanya pada sesi maya InInfinity Forum dengan topik FinTech for an inclusive growth across the globe, semalam.

Turut serta pada sesi terbabit, Menteri Kewangan India, Nirmala Sitharaman dan Menteri Kewangan Indonesia, Sri Mulyani Indrawati.

Pengerusi Majlis Penasihat Ekonomi Perdana Menteri India, Dr Bibek Debroy bertindak moderator.

InInfinity Forum dianjurkan secara bersama oleh International Financial Services Centres Authority (IFSCA), GIFT City dan Bloomberg.

Pada sesi berkenaan, Tengku Zafrul menegaskan, kerajaan kekal komited kepada pendigitalan selanjutnya untuk ekonomi dan penggunaan teknologi secara produktif untuk kebaikan rakyat.

"Malaysia melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) bagi memperkasakan rakyat merentasi semua aspek kehidupan.

\*Celik digital, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, teknologi kewangan (fintech), pendidikan, kesihatan dan banyak lagi antara menjadi tumpuan Malaysia.

\*Kami memiliki pelan jangka panjang sehingga 2030 termasuk merangkumi pelaburan dalam rangka kerja digital nasional, syarikat telekomunikasi, mengukuhkan ketersambungan, pelaksanaan 5G di seluruh negara dan mengukuhkan perkhidmatan awam,' katanya.

Beliau menjelaskan kerajaan memberikan insentif kepada rakyat beralih kepada pendigitalan.

\*Selain rakyat, kerajaan menawarkan geran dan bantuan kepada perniagaan lebih kecil untuk memanfaatkan kaedah pembayaran elektronik dan meluaskan jangkauan pelanggan menerusi e-platform.

\*Hasilnya jelas apabila tempoh sembilan bulan tahun ini, pendapatan e-dagang Malaysia berjumlah AS\$190 bilion (RM802.7 bilion), melonjak 23 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu,' katanya.

Sementara itu, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Azmin Ali, berkata, adalah penting bagi ekonomi memastikan kelangsungan perniagaan dalam norma baharu dengan mengukuhkan usaha, terutama dalam pembiayaan digital, e-dagang dan ekonomi gig.

\*Pada 2016, saiz ekonomi digital global dinilai pada AS\$11.5 trilion, bersamaan 15.5 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dan diunjur berkembang kepada 24.3 peratus menjelang 2025,' katanya pada Forum Inisiatif Asia Pasifik Ketiga 2021 yang diadakan berasingan, semalam.

Disiarkan pada: Disember 4, 2021 @ 7:02am